SAMPEL PERCUMA

Soalan Sejarah Tingkatan 5 Bab 4 Sistem Persekutuan + Jawapan

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN

1 Pada tahun 1889, Luak Tampin, Rembau dan Seri Menanti disatukan sebagai satu Konfederasi Seri Menanti. Apakah maksud konfederasi ?

ms: 66

A Penyatuan beberapa negara

B Gabungan negeri dalam satu ikatan

C Pembentukan Negeri – Negeri Melayu Bersekutu

D Pembahagian kuasa persekutuan dengan negeri

2 Mengapakah Malayan Union hanya dapat dilaksanakan dalam tempoh yang singkat dan akhirnya dibubarkan ?

ms: 67

A Penduduk Tanah Melayu menentang


B Kuasa gabenor British semakin berkurangan

C Mendapat bantahan daripada Raja – Raja Melayu

D Penentangan daripada negara - negara jiran

3 Berikut merupakan tiga peringkat pentadbiran kerajaan Malaysia

ms: 68



Mengapa berlaku pengasingan kuasa seperti berikut ?

A Mengelak daripada berlaku rasuah

B Memastikan sistem demokrasi terjamin

C Mengukuhkan kedudukan Raja – Raja Melayu

D Melicinkan pentadbiran dan mengelak permasalahan

4 Bagaimanakah sekiranya terdapat percanggahan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri bagi perkara di bawah senarai bersama ?

ms: 70

A Undang – undang di Parlimen dipatuhi

B Mengadakan sidang Parlimen dan DUN

C Kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong

D Pilihan raya umum dilaksanakan

5 Berikut merupakan Senarai Negeri tambahan yang diberikan kepada Sarawak dan Sabah

ms: 70

- Undang – undang dan adat anak negeri
- Mahkamah Anak Negeri
- X

Apakah X ?

A Kereta api

B Kebajikan awam

C Pendidikan

D Tanah

6 Antara berikut, yang manakah matlamat penubuhan program *In - Situ*

ms: 72

A Memajukan indusrti berat

B Menekankan pembangunan fizikal desa

C Bantuan kewangan kepada bumiputera

D Membangunkan wilayah baharu

8 Jadual berikut menunjukkan jawatankuasa utama RASCOM

ms: 78

Jawatankuasa	Pengerusi	Bidang Tugas
Jawatankuasa RASCOM.	Ketua Pegawai Eksekutif (Pegawai Tadbir Kanan Negeri Sarawak).	Menggubal dasar berkaitan dengan aktiviti harian organisasi RASCOM.
Jawatankuasa Perancang Gerakan.	Panglima Pasukan Keselamatan RASCOM.	Merancang gerakan di kawasan RASCOM.
Jawatankuasa Perang Saraf.	Ketua Pegawai Turus (Awam).	Merancang dan melaksanakan segala kegiatan gerak saraf.

Apakah tujuan penubuhan RASCOM ?

A Menjaga kebajikan rakyat


B Mengekalkan hubungan dengan Kerajaan Persekutuan

C Menjaga perairan Sabah daripada pencerobohan

D Membasmi ancaman komunis

9 Peta berikut menunjukkan 10 daerah di Pantai Timur Sabah yang terlibat dalam pengawalan ESSCOM

ms: 79



Mengapakah ESSCOM ditubuhkan ?

A Memajukan kawasan Pantai Timur Sabah

B Mengurangkan kemasukan pendatang asing

C Mengawal keselamatan daripada ancaman

D Menjaga keindahan pantai Sabah

10 Bagaimanakah Perlembagaan berperanan mengukuhkan Persekutuan ?

ms: 80

A Menjadi rujukan utama Kerajaan Persekutuan

B Kedudukan istimewa orang Melayu

C Manjaga kedaulatan negara

D Hukuman pesalah di mahkamah

BAB 4	JAWAPAN
1	A
2	C
3	D
4	A
5	A
6	B
7	.
8	D
9	C
10	A

BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN

BAHAGIAN A (STRUKTUR)

4.1 Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita

MUKA SURAT 66 - 67

1 Pembentukan sistem persekutuan di negara kita berkait rapat dengan peluasan pengaruh British dalam pentadbiran Melayu dengan penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu melalui Perjanjian Persekutuan 1895 dan Kesatuan Malaya (Malayan Union) 1946.

(a) Senaraikan dua orang Raja Melayu yang menandatangani Perjanjian Persekutuan 1895.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri Kesatuan Malaya (Malayan Union) 1946.

_____

_____

_____

_____

[4 markah]

(c) Kesatuan Malaya (Malayan Union) 1946 telah mendapat bantahan yang hebat daripada Raja-raja Melayu dan orang Melayu sehingga British terpaksa menukarkannya dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Cadangkan usaha menghargai perjuangan Raja-raja Melayu dan orang Melayu? ***KBAT***

_____

_____

_____

_____

_____

[4 markah]

BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN

BAHAGIAN B (ESEI)

4.2 Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

MUKA SURAT 68 - 70

1 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang dirujuk sebagai Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri serta Senarai Bersama yang mana kedua-dua kerajaan mempunyai kuasa terhadapnya.

(a) Mengapakah wujud pembahagian kuasa tersebut? [4 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan dua bidang kuasa dalam Senarai Persekutuan.

Senarai Persekutuan
• Pertahanan • Keselamatan Dalam Negeri

Mengapakah bidang kuasa di atas diletakkan di bawah Senarai Persekutuan?

[8 markah]

(c) Beri mesej anda kepada rakyat dan pemimpin di negara ini supaya sentiasa menjaga kestabilan politik? ***KBAT*** [8 markah]

SKEMA

BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN

BAHAGIAN A (STRUKTUR)

Soalan		Cadangan	Markah
1 (a)		**Senaraikan dua Raja-raja Melayu yang menandatangi Perjanjian Persekutuan 1895.**	
	F1	Sultan Idris Murshidul Adzam Shah	1
	F2	Sultan Abdul Samad Ibni Raja Abdullah	1
	F3	Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah	1
	F4	Tuanku Muhammad Ibni Tuanku Antah	1
			[2 m]
1 (b)		**Jelaskan ciri-ciri Kesatuan Malaya (Malayan Union) 1946.**	
	F1	Penyatuan semua negeri Melayu, Pulau Pinang dan Melaka	1
	F2	membentuk sebuah kesatuan yang dinamakan Kesatuan Malaya (Malayan Union)	1
	F3	Pembentukan sebuah Kerajaan Pusat yang kuat	1
	F4	Diketuai oleh Gabenor British	1
	F5	yang dilantik oleh Raja England	1
	F6	Penubuhan Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan Kesatuan Malaya	1
	F7	diletakkan di bawah kawalan Gabenor British.	1
	F9	Sultan menjadi Ahli Majlis Raja-Raja	1
	F10	Sultan hanya membincangkan agama Islam dan adat istiadat Melayu	1
			[4 m]
1 (c)		**Apakah yang perlu kita lakukan bagi menghargai perjuangan mereka ini?**	
	F1	Mempelajari dan memahami sejarah perjuangan bangsa dan negara	1
	H1	supaya dapat mengenali tokoh-tokoh pejuang tanahair	1
	C1	seperti Dato' Onn Jaafar, Dato' Nik Ahmad Kamil, Za'ba dan sebagainya	1

	Inf	Hal ini akan melahirkan perasaan sayang pada negara kerana perjuangan memerlukan ketabahan dan pengorbanan	1
	F2	Menyambut Hari Kemerdekaan negara	1
	H2	dengan penuh rasa bersyukur kerana berada dalam sebuah negara yang aman hasil penat lelah tokoh pejuang negara	1
	C2	contohnya, memasang bendera di rumah sebagai tanda memperingati hari kemerdekaan negara	1
	Inf	Kesannya, semangat berani mempertahankan negara seperti tokoh pejuang akan sentiasa tersemat dalam diri.	1
	M	mana-mana yang munasabah	[4 m]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar